

SENI BERFIKIR YANG HILANG oleh Hasrizal Abdul Jamil. Seri Kembangan: Iman Publication. 2020. Halaman 261. ISBN 978-983-2423-88-1

Buku Seni Berfikir Yang Hilang mempunyai 261 halaman diterbitkan oleh Ustaz Hasrizal Abdul Jamil dan mempunyai 7 bab yang sangat menarik untuk diketengahkan. Buku Seni Berfikir Yang Hilang telah digarap dengan membahaskan enam ilmu. Antara objektif buku ini adalah untuk mengarusperdanakan *Thaqafah al-Da'iyah* yang ditulis oleh Yusuf al-Qaradawi dalam masyarakat umat Islam kontemporari di Malaysia. Antara kelebihan buku Seni Berfikir Yang Hilang ialah pembaca yang membaca buku ini mampu merawat minda umat Islam yang dipengaruhi oleh sistem pendidikan yang mengelaskan murid semenjak dahulu. Buku ini juga sangat menitikberatkan asas ilmu kerana di sana terdapat ilmu Tauhid yang menggabungkan agama dan Sains dalam sunnatullah.

Bab satu menekankan kepentingan umat Islam menghayati semangat dakwah. Permulaan bab ini adalah bertemakan isu perundangan. Justeru, antara seruan daripada penulis adalah menyeru masyarakat supaya memahami terlebih dahulu perlembagaan persekutuan untuk menangkis masalah yang akan timbul. Sebagai contoh, isu murtad yang sangat mengundang kontroversi baik di mahkamah mahupun di luar.

Terdapat enam ilmu yang dibahaskan di dalam kertas kerja dan dibentangkan oleh Yusuf al-Qaradawi, namun kertas kerja tersebut dalam bentuk Bahasa Arab dan tiada terjemahan. Oleh itu, terdapat penerbit yang mengusahakan analisa kertas kerja tersebut iaitu buku berjudul Tazkirah Para Pendakwah. Antara enam ilmu yang dibahaskan ialah ilmu agama (*al-Thaqafah al-Diniyyah*), ilmu sejarah (*al-Thaqafah al-Tarikhiyyah*), ilmu sastera dan bahasa (*al-Thaqafah al-Adabiyyah wa al-Lughawiyyah*), ilmu kemanusiaan (*al-Thaqafah al-Insaniyyah*), ilmu sains (*al-Thaqafah al-'Ilmiyyah*) dan ilmu hal ehwal semasa (*al-Thaqafah al-Waqi'iyah*). Tema buku ini adalah perspektif dakwah untuk menonjolkan Muslim sebagai umat dakwah dengan membina kefahaman tentang Islam sebagai satu sistem membentuk masyarakat Muslim. Justeru, penulis menitikberatkan tanggungjawab dakwah bukanlah terletak kepada individu semata-mata tetapi kepada semua ahli masyarakat Muslim. Dakwah adalah seruan kepada risalah dan setiap pendakwah perlu menyediakan bekalan di sepanjang jalan dakwah iaitu bekalan iman, akhlak dan ilmu.

Bekalan iman memerlukan keyakinan, harapan dan kekuatan, manakala bekalan akhlak memerlukan demonstrasi untuk menyampaikan dakwah dan merangkumi integriti para pendakwah. Akhir sekali bekalan ilmu merupakan perkara terpenting untuk memastikan kehidupan pendakwah sentiasa mempunyai peningkatan. Isu utama yang dibangkitkan oleh penulis adalah mengajak masyarakat berfikir supaya tidak berada pada takuk pengkelasan dan membicarakan dakwah dalam pelbagai cabang ilmu. Isu ini menarik kerana manusia hanya terbatas dengan satu cabang ilmu sahaja tanpa berkeinginan untuk menguasai cabang ilmu yang lain. Justeru, minda masyarakat perlu dibuka supaya masyarakat dapat menonjolkan diri untuk menguasai asas-asas dalam setiap cabang ilmu.

Ilmu agama mempunyai beberapa bahagian antaranya ialah al-Quran, al-Sunnah, Fiqh dan Usul Fiqh, Akidah, Tasawuf dan sistem-sistem Islam. Dalam bidang al-Quran, Syeikh Yusuf al-Qaradawi menyeru supaya umat Islam mempelajari al-Quran dengan tajwid yang betul serta mengetahui fungsinya dengan melihat penjelasan-penjelasan yang diceritakan dalam al-Quran. Selain itu, kepentingan pendakwah untuk menghafal al-Quran juga perlu ditekankan supaya dijadikan sandaran atau hujah. Islam menuntut agar al-Quran dapat dijaga dengan

baik kerana ini adalah wahyu Allah, mudah difahami, mempunyai mukjizat bersifat *khulud* dengan tidak terikat kepada tempoh masa serta bersifat syumul iaitu menyeluruh merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Kedua, ilmu asas al-Quran yang dipanggil Ulum al-Quran mengetengahkan kaedah Malaikat Jibril menyampaikan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW iaitu dengan dua cara. Cara tersebut ialah bunyi loceng yang kuat dan menjelmakan diri sebagai manusia. Selain itu, buku ini juga menerangkan mengenai Ulum al-Quran. Dalam ilmu Tafsir, Syeikh Yusuf al-Qaradhawi menekankan inti utama Tafsir supaya manusia tidak tenggelam dengan perbahasan yang bercabang. Justeru, sebagai pembaca sangat perlu untuk menekankan pemikiran berasaskan dakwah agar pemikiran tersebut memfokuskan kepada cara berfikir sebagai pendakwah dan menjauhi diri daripada sebarang israiliyat riwayat lemah dan palsu. Asas pengetahuan yang perlu dititikberatkan adalah kemahiran membaca al-Quran dengan tajwid yang betul di samping mempunyai sedikit pengetahuan mengenai tarannum dan tafsir serta ulasan daripada pembacaan mestilah mempunyai asas yang kuat.

Bab kedua pula ialah al-Sunnah. Al-Sunnah berfungsi untuk menjelaskan secara praktikal mengenai al-Quran seperti bilangan rakaat dalam solat. Mengikut kaedah Islam, setiap perkara yang dilakukan mestilah mempunyai sandaran. Justeru, pendakwah perlu mengetahui Sirah al-Nabawiyah kerana terdapat pelbagai perkara yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW. Selain itu, pendakwah perlu mengamalkan cara berdakwah dengan mengumpulkan hadis secara topikal dan ayat-ayat al-Quran berkaitan ilmu harus dihimpunkan termasuklah hadis. Namun perlu berhati-hati dengan kesalahan dalam konteks pendalilan. Pendakwah juga perlu berhati-hati terhadap percubaan-percubaan yang menimbulkan keraguan dalam hadis yang sahih ini kerana percubaan tersebut kebanyakannya ditimbulkan oleh golongan anti hadis, orientalis dan syiah. Pendakwah juga perlu menjauhkan diri daripada hadis palsu yang semakin popular pada masa kini.

Pendakwah juga perlu menguasai ilmu Fiqh untuk memahami hukum hakam asas dalam ibadat, munakahat dan muamalat kerana fiqh adalah suatu ilmu yang menjawab status perbuatan kita dari segi hukum. Antara pesanan yang diberi oleh Syeikh Yusuf al-Qaradhawi ialah pendakwah perlu memelihara hubungan antara al-Quran dan al-Sunnah untuk menjelaskan hukum-hakam, tidak keterlaluan mengaitkan fiqh dengan hikmah duniawi, tidak bersikap culas dalam menyentuh soal *illah*, sebab dan hikmah. Dalam perbincangan melalui akidah pula, pendakwah tidak boleh hanyut dengan hujah-hujah sehingga tidak menerangkan maksud sebenar jati diri Muslim kerana natijahnya mestilah manusia tersebut mengetahui bahawa mereka bertuhankan Allah dengan cara yang benar dan komited dengan pendekatan salaf serta menangani perkara-perkara syubhah.

Syeikh Yusuf al-Qaradawi menekankan mengenai larangan mempelajari tasawuf kefalsafahan dan memberi tumpuan dalam hal ehwal akhlak dan pembentukan peribadi. Selain itu, ilmu Tasawuf juga tidak boleh menyalahi peraturan al-Quran dan al-Sunnah. Sebagai contoh, amalan bertapa di dalam gua bagi tujuan pembersihan jiwa sehingga mengabaikan solat dan keluarga adalah amalan yang bercanggah dengan al-Quran. Seterusnya, pendakwah perlu mengutamakan elemen yang praktikal dan perbanyakkan membaca karya Imam Ibn Qayyim al-Jauziah. Penulis juga berpandangan bahawa pendakwah perlu juga membaca karya-karya Imam Birgivi kerana terdapat keistimewaan tasawuf yang dikemukakan oleh dua tokoh tersebut iaitu tasawuf dan kesufian.

Bahagian yang terakhir dalam ilmu agama menurut Syeikh Yusuf al-Qaradawi adalah sistem-sistem Islam. Ilmu ini bersifat makro dan menjadikan Islam sebagai satu sistem yang mentadbir dan mengatur setiap perkara. Namun, sistem ini terdiri daripada pelbagai bentuk seperti perundangan, pertahanan, politik kewangan dan sebagainya.

Garapan ilmu yang kedua daripada Syeikh Yusuf al-Qaradawi adalah Ilmu Sejarah. Umat Islam perlu menguasai ilmu ini kerana sejarah meluaskan horizon fikiran untuk memahami sunnatullah, menjadi bukti yang nyata, membantu menganalisis dan memahami situasi semasa serta membantu memahami pemikiran, aliran, mazhab, ideologi dan falsafah. Di samping itu, sejarah dapat memberi kefahaman tentang sesuatu kejadian secara jelas. Sebagai contoh, hadis mengenai iman, Islam dan ihsan kerana di hujung hadis tersebut Rasulullah SAW menyatakan bahawa yang datang kepada baginda ialah Malaikat Jibril AS.

Selain itu, pendakwah perlu memahami mengenai al-Waqfiat yang dipanggil waqaf. Waqaf ini penting untuk difahami secara mendalam kepada semua muslimin kerana waqaf yang dilaksanakan di Malaysia kebanyakannya hanya pada permulaan sahaja dan dipertengahannya pula tergendala sehinggakan terdapat beberapa tempat waqaf yang tidak dapat diselenggara dengan baik. Contohnya masyarakat yang mewaqafkan duit untuk mendirikan sekolah tahfiz, namun duit tersebut hanya mampu untuk menampung pembinaan sekolah tahfiz tanpa dapat menampung gaji guru, kerani dan sebagainya. Justeru, sekiranya terdapat kerosakan di dalam sekolah tahfiz tersebut, bagaimanakah cara untuk mengatasinya sedangkan pemulaannya adalah waqaf daripada masyarakat. Oleh itu, Malaysia boleh mengambil contoh waqaf yang dilaksanakan di Turki yang kebanyakan daripada tempat di Turki adalah terhasil daripada waqaf seperti hospital, jalan raya, pasar, kedai, masjid, jambatan batu di Ergene. Pemberian wakaf bukan sahaja untuk mendirikan bangunan tersebut tetapi turut digunakan untuk penyelenggaraan, infrastruktur dan sebagainya. Sekiranya duit yang diwakafkan hanya untuk pembinaan sekolah semata-mata adalah tidak disarankan sekolah tersebut untuk dibina disebabkan sekolah tersebut akan mempunyai masalah penyelenggaraan di kemudian hari.

Budaya *philantrophy* adalah situasi masyarakat yang berbuat baik kepada orang lain tanpa mengharapkan balasan. Budaya ini akan wujud secara tidak langsung apabila semua manusia menikmati *sense of equality* iaitu kesamarataan yang bermaksud semua manusia setaraf dari segi ukuran sosialnya. Ibnu Khaldun menyatakan bahawa *sense of equality* hanya akan wujud dalam sejarah tamadun yang maju apabila wujudnya *prophethood*. Selain itu, buku ini juga membahaskan mengenai dunia Islam dan dunia Eropah serta fenomena yang terdapat di Malaysia termasuk ajaran-ajaran sesat yang boleh mencetuskan keraguan. Cetusan daripada dunia Eropah yang membuatkan manusia tersedar daripada mimpi adalah daripada novel yang bertajuk *Emile or On Education*. Bermula daripada novel ini, masyarakat di dunia Eropah telah menyedari kepentingan pendidikan kepada wanita secara umum.

Fasa Revolusi Industri 4.0 telah menyebabkan perubahan yang sangat pantas kerana keseluruhan daripada aktiviti kehidupan seharian hanya berada di hujung jari. Namun, pendakwah harus mengikut tren semasa dan memahami ideologi-ideologi yang seiring dengan perubahan Revolusi Industri 4.0 seperti sekularisme yang memisahkan agama daripada kehidupan dan memahami ideologi melalui sejarah. Teori Evolusi dipercayai daripada Charles Darwin tetapi sebenarnya evolusi dibicarakan lebih awal lagi oleh Ibnu Miskawayh di Iraq. Oleh itu, Syeikh Yusuf al-Qaradawi memberi beberapa tips mengenai sejarah kepada pendakwah antaranya tidak boleh tenggelam dalam perincian sejarah tetapi

menumpukan kepada ibrah dan resolusi. Selain itu, pendakwah perlu memiliki kepekaan dan kesedaran sejarah ketika memetik atau memerhatikan sumber-sumber bukan sejarah, tidak tertumpu kepada penguasa sultan tetapi mendominasi kepada masyarakat. Di samping itu, pendakwah juga perlu menganalisa sejarah yang lepas dan membuang kitaran jahiliah tetapi memupuk kitaran Islam yang membawa kepada kebaikan.

Syeikh Yusuf al-Qaradawi juga memperingatkan pendakwah supaya memahami sumber utama dalam sejarah melalui kitab *Tarikh al-Tabari* yang dikarang oleh al-Imam Muhammad bin Jarir al-Tabari. Hal ini kerana melalui sumber tersebut pendakwah dapat melihat pelbagai perspektif Ahli Sunnah, Syiah dan pihak yang berkepentingan lain hingga akhirnya dapat membezakan pembacaan sekiranya terdapat fakta-fakta yang salah dalam sejarah. Bab yang keempat dalam buku ini berkisar mengenai ilmu sastera dan bahasa melalui kepentingan bahasa Arab yang mampu untuk membuka dunia ilmu. Hal ini kerana bahasa Arab adalah bahasa al-Quran. Selain itu, bahasa juga amat penting disebabkan fungsi bahasa adalah menganalisa fikiran manusia. Bab yang seterusnya adalah mengenai ilmu kemanusiaan. Terdapat lima ilmu kemanusiaan yang perlu diberikan perhatian antaranya ialah ilmu psikologi, ilmu sosiologi, ilmu ekonomi, ilmu falsafah dan ilmu akhlak. Antara cabaran pendakwah apabila menguasai *al-Thaqafah al-Islamiyyah* adalah israiliyat. Justeru, apabila membahaskan mengenai ilmu psikologi dalam ilmu kemanusiaan, maka pendakwah perlu mempunyai matlamat dan mengaplikasikan teori serta praktikal. Tujuannya ialah agar dapat memahami nas dengan lebih baik kerana ilmu psikologi dapat mengoptimumkan kesan dakwah dengan lebih luas kepada manusia.

Ilmu sosiologi pula adalah suatu ilmu yang mengkaji manusia secara kolektif kerana cabaran kepada pendakwah adalah cabaran ideologi dan modenisme. Pengasas ilmu sosiologi iaitu Ibnu Khaldun telah banyak membuka mata para pembaca dengan dunia kemasyarakatan dalam kitabnya iaitu *Muqaddimah*. Contohnya seperti isu kebersamaan dan teori Umran yang melahirkan identiti tersendiri. Ilmu falsafah pula bertujuan untuk mengukuhkan kefahaman tentang pemikiran dan falsafah umat Islam semasa. Di samping ilmu akhlak yang mengajar tentang prinsip dan etika. Syeikh Yusuf al-Qaradawi juga menekankan mengenai ilmu Sains dengan mengkaji teori asas seperti hidrogen, oksigen dan sebagainya.

Pada akhir buku ini diselitkan mengenai kepentingan *halalan toyyiban* daripada semua sudut supaya pendakwah dapat merasakan syariatullah dan sunnatullah. Selain itu, pendakwah juga perlu mempelajari ilmu hal ehwal semasa dengan membuat kaji selidik berkenaan kemasyarakatan. Secara fizikalnya, pendakwah perlu memainkan peranan yang penting dalam Revolusi Industri 4.0 ini dan memperbanyakkan pengetahuan, bahan bacaan sama ada daripada surat khabar dan pelbagai bahan bacaan lain supaya menjadi bekalan ilmu untuk menentukan strategi atau relung dakwah yang dibina.

Buku *Seni Berfikir Yang Hilang* ini mengajak manusia untuk berfikir di dalam relung-relung dan di sebalik ideologi-ideologi semasa. Buku ini juga telah memberi intipati kepada pendakwah berkenaan ilmu dan perkara-perkara yang perlu dititikberatkan dalam menguasai dan menjadi pendakwah yang berada dalam medan dakwah masyarakat. Selain daripada isu semasa, pendakwah juga perlu menguasai sejarah. Hal ini kerana sejarah amat penting untuk ditaksir serta dianalisa sesuai dengan ibrah yang perlu diambil agar manusia mendapat peringatan ke atas setiap peristiwa yang berlaku. *Al-Thaqafah al-Da'iyah* menggambarkan identiti dan kredibiliti pendakwah yang perlu ada pada masa kini dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pendakwah. Justeru, bekalan iman, akhlak dan ilmu perlulah seiring menjadi

ubat kepada pendakwah supaya perjalanan dakwah tidak terhenti. Intipati buku ini amat menarik dengan isu dan perbincangan yang dikupas mengajak manusia untuk berfikir. Namun resolusinya juga diselitkan secara tidak langsung agar dapat diambil natijah bagi pendakwah yang melaluinya. Justeru, buku ini dicadangkan kepada semua masyarakat yang ingin mengambil langkah untuk menyeru kepada kebaikan agar di sebalik seruan tersebut diikuti dengan amali dan praktikal yang akan membuahkan hasil serta pengalaman. Tips yang diberi oleh Syeikh Yusuf al-Qaradawi perlu dititikberatkan agar semua pendakwah memahami konsep secara dasarnya dan mampu mengaplikasikannya bukan sahaja daripada sudut teori tetapi membudayakannya dalam masyarakat. Secara tidak langsung, kredibiliti dan karisma pendakwah mampu menarik masyarakat agar memahami ilmu secara lebih mendalam.

Suhaila Sharil

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Universiti Teknologi Mara

Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.